

Lengkapkan tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini dengan kata yang betul.

cocok	golongan	apakah	bila	belot
apabila	belut	gulungan	cucuk	adakah

1. Bagi saya, ayah dan ibulah pasangan suami isteri yang paling _____ di dunia.
2. Penjual itu mengambil _____ tikar yang disandarkan pada dinding itu apabila diminta oleh pelanggan.
3. _____ Cikgu Mohd. Zamri mengajarkan mata pelajaran Geografi?
4. _____ peniaga diingatkan agar tidak menaikkan harga barangan kawalan pada musim perayaan.
5. Sesetengah orang percaya bahawa _____ mempunyai khasiat dari sudut perubatan.
6. Setiausaha itu segera mengangkat gagang telefon di mejanya _____ telefon itu berdering meskipun dia sibuk.
7. " _____ yang sedang dilakukan oleh ibu kamu?" Tanya nenek kepada Devi.
8. Ketua penjenayah itu menculik orang kanannya kerana dipercayai telah _____ kepada kumpulan mereka.
9. Dia menangis kesakitan kerana jarinya kena _____ oleh duri.
10. Kapal terbang itu akan berlepas ke Pulau Pinang _____?

Padankan perenggan di bawah ini dengan peribahasa yang sesuai.

Generasi muda seperti kita merupakan aset penting kepada negara. Kita seharusnya diberikan panduan yang jelas sejak kecil oleh ibu bapa, ibarat kata orang tua-tua,



bumi yang mana tidak ditimpa hujan

Guru sebagai pendidik pula seharusnya bekerjasana dengan ibu bapa membentuk peribadi mulia dalam kalangan murid. Hal ini bertepatan dengan peribahasa



melentur buluh biarlah dari rebungnya

Kita sebagai remaja sering dibelenggu masalah dan melakukan kesalahan, bak kata pepatah



bagai aur dengan tebing